

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan kereta dan jumlah kos penyewaan Proton Perdana Generasi kedua yang disewa oleh Kerajaan Malaysia daripada Spanco Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kereta Proton Perdana yang akan disewa oleh Kerajaan daripada Spanco Sdn. Bhd. adalah berdasarkan kepada keperluan tambahan dan penggantian kereta yang akan tamat tempoh pajakan. Sehingga kini, harga terkini Proton Perdana Generasi Kedua masih dalam peringkat perbincangan di antara pihak PROTON dan Kerajaan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]

SOALAN :-

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapa statistik setiap hari berkenaan dengan kebakaran terbuka, belukar, hutan dan gambut di seluruh negara tidak lagi dipaparkan pada laman web bomba mula: Disember 2015.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat berhubung pemaparan maklumat awam di laman web Jabatan. Justeru Kementerian telah mengambil tindakan serta-merta dengan memaparkan semula maklumat statistik berkenaan kebakaran terbuka, belukar, hutan dan tanah gambut di seluruh negara dan kini boleh dimuat turun untuk rujukan semua pihak.